Pendakwa Raya lwn Chai Jick Lim

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–1 TAHUN 2005
ABDUL HALIM AMAN PK
14 APRIL 2006

Acara Jenayah — Pengedaran dadah merbahaya — Pembuktian kes melampaui keraguan yang munasabah — Sama ada kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan — Kesahihan kes pendakwaan — Pihak pembela memberikan penjelasan yang mana munasabah dan berkemungkinan benar — Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah guna bagi mengenepikan kes

Keterangan — Saksi-saksi — Kredibiliti, kebolehpercayaan dan kebenaran saksi-saksi tertuduh — Tanggungjawab mahkamah — Sama ada keterangan dari saksi-saksi pembelaan benar-benar menyakinkan mahkamah sehingga boleh mengenepikan kesahihan kes — Keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan — Mempertikaikan akan kebolehpercayaan keterangannya — Sama ada keterangannya adalah tulus dan ikhlas — Sama ada perkataan 'Tuan, gua ala simpan satu kilo ganja bawah kerusi depan kereta' diungkapkan oleh tertuduh

Undang- Undang Jenayah — Pengedaran dadah merbahaya — Milikan — Sama ada pertuduhan terbukti — Elemen pengetahuan — Sama ada pengetahuan tertuduh terhadap dadah itu dikatakan wujud — Tiada rontaan atau cubaan untuk lari — Tertuduh seolah-olah kehairanan mengapa ditangkap — Sama ada pendakwaan mempunyai alternatif mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta Dadah Berbahaya - Akta Dadah Berbahaya, 1952, s 39B(1)(a) & (2)

Pada 25 Jun 2003 pada jam 4.20 petang beberapa orang anggota dari Jabatan Narkotik Pahang setelah menerima maklumat melalui telefon yang mengatakan satu lelaki Cina ada membeli dadah, telah membuat serbuan di stesen minyak Petronas di Mukim Pedah, Jerantut. Hasil serbuan itu, mereka telah menahan sebuah kenderaan yang ketika itu dipandu oleh tertuduh. Setelah membuat pemeriksaan, terjumpanya ketulan mampat daun kering berbalut dengan kertas aluminium bawah tempat duduk sebelah penumpang. Semasa serbuan, tertuduh berada di dalam kereta dengan enjin kereta masih hidup. Tertuduh menyatakan yang dia sedang menunggu Ali yang baru saja turun kereta pergi ke tandas. Barang kes itu telah di hantar ke Jabatan Kimia dan hasil ujian analisa yang dijalankan mendapati bahawa dadah yang disyaki sebagai ganja tersebut telah disahkan sebagai kanabis dan beratnya sejumlah 997.29g. Tertuduh telah didakwa di bawah s 39B(1)(a) dan boleh di hukum di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Di akhir kes, pihak pendakwaan mahkamah telah mencapai keputusan bahawa suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Tertuduh di dalam

pembelaannya menyatakan beliau tidak mengetahui isi kandungan bungkusan itu. Seterusnya, tertuduh menyatakan bahawa bungkusan itu adalah di bawa oleh Ali untuk isterinya yang sakit dan dia yang meletakkan bungkusan itu di bawah kusy Not only en kereta. Persoalannya sama ada pihak tertuduh di peringkat pembelaan berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah guna bagi mengenepikan kes pendakwaan yang telah diputuskan sebagai prima facie itu. Seandainya tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka dia berhak untuk menikmati faedah dari keraguan tersebut.

Diputuskan, tertuduh dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan:

(1) Di dalam kes ini, tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kesahihan kes pihak pendakwaan. Kewujudan serta peranan yang di mainkan oleh 'Ali' ini adalah bukan sesuatu rekaan. Kewujudan Ali ini bukan sahaja diperkukuhkan melalui keterangan tertuduh malah telah disokong oleh keterangan saksi-saksi tertuduh. Seterusnya, keterangan ini juga selari dengan keterangan yang berdaftar dengan unit risikan Narkotik IPK Pahang (lihat perenggan 26).

(2) Berkaitan dengan elemen pengetahuan, dari keterangan-keterangan yang dikemukakan, jelaslah elemen ini tidak wujud langsung di pihak tertuduh. Bukan sahaja keterangan dari tertuduh sendiri, malah keterangan sokongan oleh saksi tertuduh yang jelas menyokong kuat akan hakikat ini (lihat perenggan 43).

(3) Tertuduh digambarkan sebagai orang yang tidak dikenali kepada perjumpaan eksibit ganja tersebut, jauh sekali untuk dikatakan mempunyai pengetahuan. Malah gerak geri serta reaksi tertuduh semasa diserbu tidak memperlihatkan akan apakah kesalahan yang telah beliau lakukan. Tiada rontaan atau cubaan untuk lari, tetapi seolah-olah kehairanan mengapa beliau ditangkap. Oleh itu, tentang anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta Dadah Berbahaya adalah tidak terpakai di sini (lihat perenggan 43).

(4) Secara kesimpulannya, setelah mendengar keterangan dari saksi-saksi secara keseluruhannya, pihak tertuduh dengan ini diputuskan telah berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kesahihan kes pihak pendakwa dan berdasarkan kepada prinsip kes *Mohd Radhi bin Yaakob v PP* [1991] 3 MLJ 169 dan *Mat v PP* [1963] 29 MLJ 263, tertuduh dengan ini diperintah untuk dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan ini (lihat perenggan 44).

[English summary

On 25 June 2003, at 4.20 in the afternoon, a few members from the Narcotics Department, Pahang after receiving information via telephone stated that a Chinese man who had purchased drugs conducted a raid at the Petronas petrol station in Mukim Pedah, Jerantut. As a result of the raid, they detained a vehicle which at that time was driven by the accused, After conducting a search, they discovered compressed dried leaves warpped in an aluminium paper kept under the passenger

A seat. During the raid, the accused was in the car and the engine was still on. The accused stated that he was waiting for Ali who had just got down from the car to proceed to the lavatory. The case item was taken to the chemistry department and as a result of the test analysis carried out, it was found that the suspected said drugs was cannabis and weighed 997.29g. The accused was charged under s 39B(1)(a) and B punishable under s 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952.

At the end of the case, the prosecution came to a conclusion that a prima faice case was successfully proven by the prosecution. The accused in his defence claimed to have no knowledge of the contents of the package. Further, the accused claimed that the package was carried by Ali for his sickly wife and was kept under the car cushion. C The issue is whether the accused at the defence stage succeeded in raising a reasonable doubt in order to set aside the prosecution's case which was said to be prima facie. If the task was successfully done, then interest from that said doubt can be enjoyed.

D

Held, the accused was released from the charge:

(1) In this case, the accused succeeded in raising a reasonable doubt against the validity of the case of the prosecution. The existence and the role played by Ali E was not created. Ali's existence was not only strengthened via the accused's evidence but also was supported by the evidence of the witnesses for the accused. Further, this evidence was also in accordance with the registered evidence of the Narcotics IPK Pahang secret inquiry unit (see para 26).

(2) As regards the element of knowledge, from the evidence produced, it was clear F that the accused had no such knowledge. Not only from the accused own evidence but also from the evidential support of the accused witness which strongly supports this fact (see para 43).

(3) The accused was a stranger to the whole discovery of the said exhibit, far from saying that the accused possessed such knowledge. Infact the accused reaction G when raiding the place did not oversee the mistake made by the accused. There was no attempt to escape but there was a doubt as to why the accused was caught. Therefore the presumption under s 37(d) and (da) of the Dangerous Drugs Act was inapplicable (see para 43).

(4) In conclusion, after listening to the evidence of the witnesses as a whole, the H accused decided to have successfully raised a reasonable doubt against the validity of the prosecution's case based on the principle of the case *Mohd Radhi bin Yaakob v PP* [1991] 3 MLJ 169 and *Mat v PP* [1963] 29 MLJ 263, the accused was ordered to be released and freed from this charge (see para 44).]

I **Nota-nota**

Untuk kes-kes bagi milikan dadah, lihat 4*Mallal's Digest*(4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 169–183.

Untuk kes-kes bagi kebolehpercayaan saksi-saksi memberi kebenaran, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) parenggan 1056–1059.

Kes-kes yang dirujuk

Arulpragasan Sandaraju v PP [1997] 1 CLJ 686 (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301 (dirujuk)
K Gopala Reddy v State of Andhea Pradhesh [1979] SCC (CR) 305 (dirujuk)
Leow Nghee Lim v Reg [1956] MLJ 28 (dirujuk)
Mat v PP [1963] 29 MLJ 263 (dirujuk)
Mohamed Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169 (dirujuk)
Pavone v PP [1984] 1 MLJ 77 (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (refd)
PP v Teh Eng Wah [1999] 8 CLJ 451 (dirujuk)
PP v Yuveraj [1969] 2 MLJ 89 (dirujuk)
Sochima Okoye v PP [1995] 1 MLJ 538 (dirujuk)
Wong Nam Loi v PP [1997] 3 MLJ 795 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37(d), (da), 39B(1)!a), (2), 39A(2)
Kanun Acara Jenayah s 180(3)

Ahmad Rosli bin Md Sham (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan
Hanif bin Hashim (Hanif & Co) bagi pihak tertuduh

Abdul Halim Aman PK:

PENDAHULUAN

[1] Tertuduh dalam kes ini telah dituduh di Mahkamah Tinggi, Temerloh pada tarikh 5 Januari 2005 diatas suatu pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25 Jun 2003 jam lebih kurang 4.20 petang bertempat berhampiran pam minyak Petronas di Lot 1593 Mukim Pedah, dalam Daerah Jerantut di dalam Negeri Pahang Darul Makmur telah di dapati mengedar dadah jenis "Cannabis" berat bersih 997.29 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39 B(1)(a) dan boleh di hukum di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Pindaan 1993).

[2] Bagi membuktikan kes mereka, pihak pendakwaan telah memanggil seramai enam orang saksi kesemuanya. Mereka adalah terdiri dari Chief Inspektor Mohd Resli bin Yusuf (SP1), pegawai yang mengetuai pasukan serbuan, Chief Inspektor Md Azhar bin Mohd Naim (SP2), Pegawai Penyiasat kes, Detektif Koperal Yaakob bin Jalil (SP3), jurugambar, Koperal Mohd Rajmi Ibrahim (SP4), penjaga barang kes, Chai Hoon Lim (SP5), abang tertuduh dan Encik Shafik Hamdan Abdul Hamid (SP6), ahli kimia.

FAKTA KES

[3] Dari keterangan saksi-saksi, fakta kes dapat digarab sepertimana yang disampaikan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya semasa menyampaikan ucapan pembukaan kes. Pada 25 Jun 2003, jam 4.20 petang SP1 bersama dengan beberapa

orang anggota dari Jabatan Narkotik IPK Pahang telah membuat serbuan di stesyen minyak Petronas di Lot 1593, Mukim Pedah, Jerantut. Hasil intipan dan serbuan itu, SP1 telah menahan sebuah kenderaan jenis Datsun 120Y dengan nombor pendaftaran CQ 8785 yang ketika itu dipandu oleh seorang lelaki Cina. Setelah ditangkap tertuduh telah dibacakan amaran di bawah s 37(1)(b) Akta Dadah Berbahaya dan setelah disoal, tertuduh dikatakan telah memberikan maklumat dan membawa SP1 ke bahagian hadapan tempat duduk sebelah penumpang dan membawa kepada terjumpanya barang kes di dalam kes ini. Barang kes yang dimaksudkan itu adalah ketulan mampat daun kering berbalut dengan kertas aluminium, di dalam satu kertas plastik jernih dan berbungkus dengan kertas suratkhabar berbahasa Cina; juga diikat dengan tali rafia berwarna merah. Barang kes itu telah di hantar ke Jabatan Kimia dan hasil ujian analisa yang dijalankan oleh ahli kimia mendapati bahawa dadah yang disyaki sebagai ganja tersebut telah disahkan sebagai kanabis dan beratnya sejumlah 997.29 gm.

PERBICARAAN KES

Di akhir kes, pihak pendakwaan setelah mendengar penghujahan pihak-pihak, mahkamah telah mencapai keputusan pada 9 Disember 2005 bahawa suatu kes yang prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Selaras dengan peruntukan s 180(3) Kanun Acara Jenayah, tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Setelah tiga pilihan diterangkan kepada tertuduh, tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Kes pihak pembelaan ini bermula mulai tarikh 16 Januari 2006 dan berakhir pada 22 Februari 2006. Selain dari keterangan dari tertuduh sendiri (SD1), beliau turut di bantu oleh dua saksi yang lain iaitu saksi dari anggota polis, C/Insp Abdul Rashid bin Ramli (SD2) dan D/Kpl Mohd Nasir bin Mohd Sab (SD3).

TANGGUNGJAWAB PEMBELAAN

Sebelum kita menilai serta menganalisa akan keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi ini, elok kita melihat akan apakah keterangan yang telah disampaikan oleh tertuduh dan saksi-saksinya itu bagi menentukan adakah kesahihan kes pihak pendakwaan yang telah diputuskan prima facie itu dapat dipertahankan ataupun adakah pihak tertuduh di peringkat pembelaan ini berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah guna bagi mengenepikan kes pendakwaan yang telah diputuskan sebagai prima facie itu. Keraguan yang dimaksudkan itu mestilah merupakan suatu pembelaan yang dapat menyakinkan pihak mahkamah akan kebenaran cerita yang di sampaikan itu. Seandainya tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka dia berhak untuk menikmati faedah dari keraguan tersebut.

[4] Apakah yang dimaksudkan dengan "reasonable doubt" itu, di dalam satu kes di India, *K Gopala Reddy v State of Andhra Pradhesh* [1979] SCC (CR) 305 ms 310 dinyatakan:

> reasonable doubt does not mean some light, airy, insubstantial doubt that may flit through the minds of any of us about almost anything at some time or the other, it does not mean a doubt begotten by sympathy out of reluctance to evict, it means a real doubt, doubt founded upon reasons.

[5] Manakala di dalam kes *PP v Teh Eng Wah* [1999] 8 CLJ 451 dinyatakan: A

(6) A reasonable doubt is where the evidence is credible, probable, plausible or logical …

KETERANGAN SAKSI PEMBELAAN

B

[6] SD1, Chai Jick Lim di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada 25 Jun 2003, jam 3.30 petang iaitu di hari kejadian, semasa berehat di rumah selepas pulang dari tempat kerja, seorang lelaki Melayu bernama Ali yang beliau telah kenali semasa berada di kantin Jabatan Hutan, Kuantan, telah datang untuk meminjam kereta yang digunakan oleh tertuduh bagi menghantar isterinya ke klinik. Tertuduh menjawab C beliau tidak dapat meminjamkan kereta tersebut kerana beliau terpaksa pergi ke kawasan kerjanya semula tetapi Ali masih meminta persetujuannya. Akhirnya beliau bersetuju untuk menghantar isteri Ali ke klinik selepas Ali nyatakan yang dia mempunyai cara untuk balik sendiri kelak.

D

[7] Di dalam perjalanan, Ali telah memintanya berhenti di stesyen teksi Jerantut dan katanya dia hendak pergi beli barang untuk isterinya. Dipatuhi permintaan itu dan dia melihat Ali memasukki satu kedai Cina yang menjual buah-buahan. Jarak keretanya dengan kedai itu adalah dalam lengkungan 20 kaki – 24 kaki. Menurutnya semasa dia memandu, Ali duduk di sebelah kirinya, di tempat duduk penumpang. Menurutnya lagi semasa Ali keluar dari kedai Cina jual buah itu, dia E melihat tangan Ali membawa satu bungkusan yang di balut dengan suratkhabar tulisan Cina. Selepas dia naik kereta, tertuduh menyatakan yang Ali meletakkan bungkusan itu di bawah kusyen kereta, di tempat duduknya. Seterusnya dia pandu kereta untuk ke rumah Ali untuk mengambil isterinya dengan panduan jalannya dan arahnya ditunjukkan oleh Ali iaitu jalan besar hala ke Jerantut Feri. Menurutnya F selepas dari kedai di stesyen teksi itu, Ali telah menyuruhnya membelok kearah stesyen minyak Petronas. Apabila ditanya oleh tertuduh apakah tujuan masuk ke stesyen minyak itu, Ali nyatakan yang dia hendak pergi ke tandas. Tertuduh meminta Ali supaya cepat sedikit kerana beliau telah suntuk masa untuk pergi ke tempat kerja beliau, iaitu ke kongsi beliau.

G

[8] Semasa menunggu itu, menurut tertuduh telah parking di tepi jalan iaitu berada di kiri stesyen minyak Petronas itu, tetapi beliau masih berada di dalam kereta dengan enjin kereta masih hidup. Pada ketika itu, tertuduh telah memandang ke kanan dan perasan ada beberapa orang datang menuju ke arahnya secara berlari. Beliau merasa hairan, pandang sekeliling rasa tidak ada apa-apa. Semasa pandang H balik itu, dia lihat semua orang sudah dekat dengannya dan salah seorang dari mereka menekan tangannya dan letakkan di pintu kereta. Orang yang memegangnya di cermin pintu kereta itu, di cam sebagai D/Kpl. Mohd Nasir bin Mohd Shah, iaitu SD3. Menurutnya terdapat seramai antara 5–6 orang berada di situ. Manakala kunci kereta di rampas oleh seorang lelaki Melayu, yang kemudiannya memperkenalkan I diri sebagai C/Insp Resli. Dia menanyakan secara normal apa yang sudah berlaku. Katanya 'Apa hal?'. D/Kpl Nasir telah mengarahkan beliau keluar dari kereta. D/Kpl Nasir telah geledah badannya. C/Insp Resli mengarahkannya untuk mengangkat barang keluar. Tertuduh tanyakan apa barang. Menurutnya C/Insp Resli berkata "saya sudah tahu, awak angkat keluar". Tertuduh terus tanya "apa barang".

C/Insp Resli arahkannya untuk membuka boot belakang kereta, tetapi tidak menjumpai apa-apa barang. Selepas itu tertuduh melihat C/Insp Resli menuju ke bahagian hadapan kiri kereta dan membuka pintu dan tertuduh diarahkan pergi ke hadapan kereta.

[9] Kemudian C/Insp Resli menanya kepada tertuduh 'kusyen bawah, itu surat khabar apa barang'. Tertuduh menjawab, "saya tak tahu". C/Insp Resli arahkannya untuk mengeluarkan bungkusan itu. Dia pun keluarkannya dan serahkan kepada C/Insp Resli yang mana telah membuka bungkusan itu dengan pisau dan beritahunya "ini ganja". Semasa D/Kpl. Nasir nak menggarinya, dia beritahu C/Insp Resli, "ini barang bukan saya punya". Dia rasa terkejut dan serta merta beritahu C/Insp Resli yang barang ini bukan miliknya. Di jawab oleh C/Ins Resli, "bukan awak punya, siapa punya?". Tertuduh memberitahu yang barang itu milik Ali yang baru saja turun kereta pergi ke tandas. Dia minta C/Insp. Resli pergi cari Ali. Menurutnya C/Insp. Resli tidak mempedulikan apa yang dia kata dan terus cakap, pergi balai.

[10] Tertuduh juga menyatakan yang dari mula-mula dia ditahan oleh D/Kpl Nasir hingga dibawa ke balai, dia tidak ada di minta untuk tandatangan satu kad apabila kad eks P 5 dirujuk kepada saksi ini. Dinyatakan yang dia tidak pernah melihat kad ini dan tidak ada tandatangan di kad ini. Apabila dibacakan oleh peguam akan isi kandungan eks P 5 ini kepada saksi dinyatakan yang C/Insp Resli tidak pernah bacakan isi kandungan eks P 5 seperti yang dibaca oleh peguam kepadanya. Menurutnya lagi semasa bungkusan di jumpai, C/Insp Resli dan D/Kpl Nasir ada bersamanya. Dia menyatakan lagi bahawa dia mengenali D/Kpl Nasir semasa dalam perjalanan balik ke balai. Dia juga turut mengesahkan ada memberikan percakapan kepada pihak polis. Terhadap bungkusan itu, beliau menyatakan beliau tidak mengetahui akan isi kandungan dan beliau ingatkan yang bungkusan itu adalah dibawa oleh Ali untuk isterinya yang sakit. Beliau juga ada memberitahu kepada pihak polis yang merakamkan percakapannya itu tentang kewujudan Ali itu.

[11] Dalam pemeriksaan balasnya, beliau menyatakan yang hubungannya dengan Ali adalah di atas urusan kerja-kerja pembalakan. Di katakan yang Ali mempunyai kawasan balak satu projek FELCRA di Kerdau seluas 50 ekar. Dia minta Ali lepaskan projek ini kepadanya dan dia akan "apply" lesen. Semasa proses ini sedang berjalan, beliau telah ditangkap. Dicadangkan oleh Timbalan Pendakwa Raya, beliau tidak bersetuju yang perhubungan beliau dengan Ali itu bukan atas soal 'pembalakan'. Ali sebelum dari peristiwa ini dinyatakan pernah 2–3 kali datang meminjam kereta. Terhadap bungkusan yang di bawa oleh Ali itu, di nafikan yang dia ada pengetahuan tentang isi kandungannya. Terhadap eks P 5 beliau menafikan ada tandatangan dan tulis nombor kad pengenalan beliau pada kad itu. Menurutnya, dia tidak pernah melihat kad itu. Di nyatakan lagi orang yang pertama menahannya adalah D/Kpl Nasir dan bukannya C/Insp Mohd Resli Yusuf. Beliau turut menolak cadangan dari Timbalan Pendakwa Raya bahawa beliau ada menjawab "tuan gua ada bawa satu kilo ganja, ada simpan di depan kereta ini". Malah beliau bersumpah tidak menyatakan sedemikian. SD2 pula, C/Insp Abdul Rashid bin Ramli, pegawai risikan Narkotik di IPK, Pahang semasa dalam keterangannya, menyatakan pada 24 Jun 2003, jam 4 petang beliau ada terima satu maklumat melalui telefon yang mengatakan satu

lelaki Cina ada beli dadah di Mentakab dan buat "transit" di Jerantut. Pemberi maklumat itu ialah seorang lelaki Cina. Maklumat di perolehi secara "personal". Beliau sahkan yang maklumat yang diterima satu maklumat umum berkaitan dengan kereta sahaja dan tidak terhadap "target". Setelah berbincang dengan C/Insp Resli dia bersetuju untuk mengetuai operasi. Pada jam 10.25 pagi 25 Jun 2003 beliau dan D/Kpl Nasir telah bertolak ke Jerantut dan tiba pada jam 2 petang. Dia telah tempah satu bilik di Jerantut Hill Resort, di mana di dalam bilik itu, satu taklimat diberikan oleh beliau kepada C/Insp Resli dan dihadiri oleh enam anggota lain. Taklimat turut dihadiri oleh D/Kpl Nasir. Taklimat yang diberi itu katanya secara umum sahaja. Diakui bahawa maklumat yang diterimanya itu tidak spesifik targetnya. Fungsi D/Kpl Nasir di katakan sebagai pembantunya dalam tugas risikan. Tugasan D/Kpl Nasir adalah untuk lakukan pemantauan manakala beliau pula pergi ke kawasan lain untuk jalankan siasatan.

[12] Semasa disoal-balas, beliau menyatakan bahawa tugas pegawai operasi seperti tugasnya itu dan tugas pegawai risikan adalah berselari, di mana risikan mendapatkan maklumat manakala operasi membuat tangkapan.

[13] SD3 D/Kpl. Nasir bin Mohd Sab didalam keterangannya pula menyatakan yang pada 25 Jun 2003, beliau bertugas di IPK, Cawangan Risikan. Jam 9 pagi beliau ada terima panggilan telefon dari Tuan Rashid tentang satu projek yang akan di buat di Jerantut. Pada 24 Jun 2003 beliau menyatakan ada menerima panggilan telefon dari "source" beliau bernama Ali yang kata bahawa ada satu pengedaran dadah akan berlaku di kawasan Jerantut. Beliau dan SD2 telah pergi ke Jerantut pada jam 10–11 pagi dan tiba di Jerantut pada jam 1 tengah hari. Satu taklimat di sahkan oleh saksi ini diadakan dan disampaikan oleh C/Insp Abdul Rashid pada jam antara 3.30 petang di Resort di Jerantut itu.

[14] Selepas taklimat, beliau dan C/Insp Rashid telah keluar dengan kenderaan pasukan dan beliau telah diarahkan untuk memantau dan bantu di dalam operasi itu oleh sebab "man-power" tidak cukup. Beliau di tempatkan di kawasan stesyen Petronas. Ini kerana beliau kenal dengan pemberi maklumat itu iaitu "Ali". Pada ketika melakukan pemantauan itu terdapat satu kereta warna putih tiba, bila "source" beliau keluar dari kenderaan dengan beri isyarat iaitu "thumb-up" sebagai isyarat tanda ada. "Source" berlari keluar dari kenderaan menuju ke tandas. Apabila isyarat "thumb-up" di berikan oleh "source'nya, semua team menyerbu ke arah kereta. Beliau terus pergi tuju ke pintu pemandu dan pegang lelaki Cina. Pada ketika itu C/Insp Resli telah mematikan enjin kereta dan mengambil kunci keluar. Semasa pegang lelaki Cina itu, menurutnya lelaki Cina itu berkeadaan biasa, seolah-olah macam dia tidak tahu. C/Insp Resli menurutnya mengarahkan lelaki Cina itu keluar dari kereta. D/Kpl Nasir pun menarik lelaki Cina itu keluar dan C/Insp Resli menanya "lu keluar itu barang" dengan perkataan sebenar digunakan ialah "mana itu barang" lalu di jawab oleh lelaki Cina itu, "apa barang?". D/Kpl Nasir jawab "lu tak payah tipu, kita tahu ini hal". Semasa itu lelaki Cina itu masih tidak di gari dan keadaan beliau sangat biasa, tidak menunjukkan sebarang reaksi atau cuba melarikan diri. C/Insp Resli mengarahkan boot belakang di buka, tetapi selepas dibuka tidak jumpa apa-apa. Selepas itu, D/Kpl Nasir melihat C/Insp Resli pergi ke bahagian hadapan sebelah kiri dan membuka pintu sebelah kiri depan.

C/Insp Resli arahkan lelaki Cina itu untuk ambil barang itu daripada tempat kusyen penumpang. Pertanyaan C/Insp Resli pada lelaki Cina itu bila jumpa surat khabar "Ini apa barang?". C/Insp Resli telah arahkan lelaki Cina itu untuk ambil barang itu keluar. Lelaki Cina itu pun ambil barang dan keluarkan dan beri kepada C/Insp Resli. Bila diterima, dia telah arahkan lelaki Cina itu buka dan C/Insp Resli koyakkan sedikit untuk tunjuk kepada lelaki Cina itu yang benda itu ganja. Lelaki Cina itu berkata "Ini bukan saya punya barang". C/Insp Resli menjawab, "Kalau bukan lu punya, ini siapa punya?". SD3 ini mendengar lelaki Cina itu berkata, "barang ini bukan saya yang punya, barang ini kepunyaan lelaki Melayu bernama Ali". Dan dikatakan oleh lelaki Cina ini, "Tuan boleh pergi sana cari".

[15] Apabila dirujuk eks P 5, saksi ini menjawab bahawa C/Insp Resli tidak pernah membacakan perkataan seperti yang terkandung di dalamnya. Juga di sahkan yang amaran tidak ada di bacakan. Tentang perkataan 'Tuan, gua ada simpan satu kilo ganja di bawah kerusi depan kereta ini', disahkan yang ini juga tidak ada dikatakan oleh beliau kepada C/Insp Resli. Dinyatakan juga bahawa eks P 5 ini tidak dikeluarkan dan ditunjuk kepada beliau serta tiada ditandatangani oleh beliau. Dinyatakan juga yang seterusnya bahawa selepas itu, beliau dan C/Insp Resli, Jais dan S/M Shamsuddin telah menaiki kereta beliau terus pergi ke balai.

[16] Semasa soal-balas oleh timbalan pendakwa raya, saksi SD3 ini telah di soal dengan panjang lebar, tidak hanya berkisar terhadap kes tangkapan dadah ini, malah meliputi bidang tugas serta disiplin saksi ini. Kita memahami akan tujuan soalan-soalan sedemikian di soalkan iaitu khusus bagi mempersoalkan kredibiliti saksi ini. Beliau sahkan benar, beliau pernah dikenakan tindakan tatatertib dan diberi surat teguran oleh pegawai atasannya di atas masalah rumahtangganya. Beliau juga turut sahkan yang beliau sedang ditahan kerja di atas satu kes Badan Pencegah Rasuah.

[17] Tentang kes ini, beliau mengakui bahawa ikut prosedur risikan, tidak boleh mendedahkan maklumat kepada orang awam kecuali di atas keadaan khas. Ditanya mengapa beliau telah dedahkan. Jawapannya ialah ikut keadaan juga. Diakui yang beliau silap bila mana beliau memberitahu namanya kepada tertuduh semasa di dalam kereta. Ditanya oleh timbalan pendakwa raya mengapa beliau yang ditempatkan di unit risikan mencampuri urusan di unit operasi, jawapannya, yang ada kalanya fungsi ini bercampur kerana kekurangan anggota. Menurutnya dia telah terima arahan dari C/Insp Rashid semasa di dalam perjalanan ke stesyen Petronas untuk membantu memantau dan juga dari segi operasi kerana C/Insp Rashid akan tiada di situ. Menurutnya walaupun C/Insp Resli ada membawa team operasi, tetapi keadaan masa itu memerlukannya untuk membantu. Dia membantu C/Insp Resli kerana menurutnya dalam operasi, dengan adanya dia, dia cenderung untuk menangkap. Menurutnya ketika itu beliau agresif sebab itu projeknya dan maklumat itu tiba kepadanya terlebih dahulu. Menurutnya lagi, I/O kes tidak pernah mengambil percakapan darinya. Beliau nyatakan yang beliau boleh ingat dengan jelas kejadian ini berpandu kepada ingatan kerana ini merupakan projeknya, terutamanya perkataan yang disebut oleh C/Insp Resli dan OKT. Walaupun tidak ada rekod dan catitan dibuat, menurutnya apa yang terjadi semasa tangkapan, masih boleh diingati dengan jelas. Dia masih boleh ingat apa yang dikata oleh C/Insp Resli kepada lelaki

Cina itu. Menurutnya lagi, apa perancangan yang dibuat oleh unit operasi dia tidak terlibat. Tetapi menurutnya, walaupun tidak melibatkan dirinya, dia telah diarahkan oleh C/Insp Rashid untuk libatkan diri dalam operasi. Beliau melakukan semua ini semata-mata diatas arahan C/Insp Rashid dan bukan kehendaknya sendiri. Beliau menafikan mereka-reka cerita seperti yang dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya, malah menekankan semasa disoal-balas oleh peguam yang keterangannya itu sebagai benar belaka.

[18] Nyatalah, dari penurunan keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi pembelaan, terdapatnya perbezaan sepertimana keterangan yang telah di sampaikan oleh sesetengah saksi-saksi pendakwaan.

PENILAIAN KETERANGAN

[19] Persoalannya sekarang, siapakah yang sebenarnya telah bercakap benar di dalam keterangannya. Adakah SP1 dan tidak SD1 bercakap benar. Adakah SP1 dan tidak SD3 bercakap benar. Ini sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menilai setiap keterangan yang dikemukakan sebelum mencapai suatu keputusan yang jitu. Terhadap tugas mahkamah ini, elok diteliti akan apakah prinsip yang telah diputuskan di dalam kes *Pavone v PP* [1984] 1 MLJ 77

> Care must be taken to leave suspended the question of the veracity and accuracy of recollection of witnesses until after the close of the case for the defence.

[20] Mahkamah perlulah menilai dari segi kredibiliti, kebolehpercayaan dan kebenaran kesaksian dari semua saksi pendakwa dan juga pembelaan dengan mengambil ingatan bahawa beban pembuktian pihak pendakwa adalah untuk membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sochima Okoye v PP* [1995] 1 MLJ 538

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the procecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused, for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution case.

[21] Ini juga seperti mana yang telah di putuskan di dalam satu kes yang lama, tetapi prinsipnya sama iaitu kes *PP v Yuveraj* [1969] 2 MLJ 89 di mana diputuskan juga, tugas di pihak pembela pula hanyalah untuk memberikan penjelasan yang mana munasabah dan berkemungkinan benar. Perkara kedudukan yang serupa diulas di dalam text "Outlines of Criminal Law" (16th Ed):

> When therefore the case for the prosecution is closed-after sufficient evidence had been adduced to necessitate an answer from the defence, the defence need do no more than show that there is a reasonable doubt as to the guilt of the accused.

[22] Apakah pula tugas pihak pembela? Di dalam kes *Arulpagasan Sandaraju v PP* [1997] 1 CLJ 686 di putuskan seperti berikut:

> It is trite laws that to earn an acquittal at the close of the defence, the only duty on the accused under s 183is to raise a reasonable doubt as to his guilt or as to the thruth of the prosecution taken in its entirety having regard to the defence.

[23] Berbalik kepada soal asal, adakah keterangan dari saksi pembelaan ini benar-benar dapat meyakinkan mahkamah sehingga boleh mengenepikan kesahihan kes pihak pendakwaan yang di putuskan prima facie itu? Mahkamah Agung di dalam kes *Mohamed Radhi bin Yaakob v PP* [1991] 3 MLJ 169yang menerima pakai prinsip kes-kes *Mat v PP* [1963] 29 MLJ 263 tentang kesahihan cerita pembelaan. Di dalam kes *Mat v PP* itu Hakim Tun Suffian memutuskan.....

> If the court accepts the explaination given by or on behalf of the accused, it must acquit. But this does not entitle the court to convict if it does not believe that explaination, for he is still entitled to an acquittal, if the explaination raises a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

[24] Soalnya sekarang adakah tugas seperti mana prinsip di gariskan di dalam kes ini berjaya di laksanakan oleh tertuduh?

PENEMUAN MAHKAMAH

[25] Mahkamah selepas mendengar keterangan saksi-saksi pendakwa yang seramai enam orang itu serta mendengar dan menimbangkan keterangan dari saksi-saksi pembelaan yang seramai tiga orang itu, menghalusi penghujahan di setiap peringkat di kemukakan oleh kedua-dua pihak pendakwa dan pembela, meneliti akan kedudukan undang-undang yang berkaitan dengannya, menilai kepada "demeanour" saksi-saksi dengan ini mencapai keputusan bahawa pihak pembelaan di akhir kes pembelaan ini telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kesahihan kes pihak pendakwaan itu.

[26] Kewujudan "Ali" di dalam episod ini bukanlah satu rekaan. Walaupun pada awalnya di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan, soal kewujudan "Ali" ini agak meragukan bila mana pihak pembelaan hanya membuat pergantungan kepada IDD14, iaitu percakapan beramaran tertuduh, namun selepas mendengar keterangan dari tertuduh dan SD3, D/Kpl. Nasir serta terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya sendiri kepada tertuduh ini, hakikat kewujudan serta peranan yang di mainkan oleh "Ali" ini adalah bukan sesuatu yang "fictitious". Kewujudan Ali ini bukan sahaja diperkukuhkan melalui keterangan tertuduh malah disokong oleh keterangan SD3. Keterangan SD3: "Source Ali ini adalah yang berdaftar dengan Cawangan Risikan IPK Pahang … ". "Saya kenal Ali bila dia ada beri kerjasama dengan polis bila dia ada memberi projek heroin. Ali ini hitam manis dan dia ramai kenalan dan dia boleh bercakap Cina". Keterangan ini juga selari dengan keterangan yang telah disampaikan oleh SD2 iaitu: 'Pada 24 Jun,

2003, jam 4 petang saya telah terima satu maklumat melalui telefon yang kata satu lelaki Cina ada beli dadah di Mentakab, Pahang dan buat transit di Jerantut, Pahang. Pemberi maklumat itu ialah satu lelaki Cina.' Adakah lelaki Cina yang di maksudkan itu ialah "Ali" seperti yang dinyatakan oleh SD3 yang Ali ini boleh berbahasa Cina. Malah, di dalam pemeriksaan balas oleh timbalan pendakwa raya, SD3 menyatakan: "Ya, Ali adalah "source" saya". Kemungkinannya ianya, ya mungkin ada kebenarannya. Selepas di "establish" akan "Ali" dari segi realitinya, elok pula di teliti akan keterangan yang telah di sampaikan oleh tertuduh akan tata-perlakuan "Ali" pada hari/kejadian. Menurutnya Ali adalah kenalannya yang baru dikenali tidak sampai sebulan lamanya. Di dalam perjalanan untuk menghantar Ali untuk tujuan menghantar isterinya ke klinik, Ali telah meminta tertuduh berhenti di stesyen teksi Jerantut dan tertuduh melihat Ali pergi ke sebuah kedai menjual buah-buahan dan kemudiannya tidak berapa lama selepas itu, Ali keluar membawa sebuah bungkusan surat khabar Cina dan meletakkan bungkusan itu di bawah tempat duduk penumpang sebelah kiri hadapan. Seterusnya, tertuduh memandu kereta untuk pergi ke rumah Ali untuk mengambil isterinya melalui Jalan Feri dan arah tuju ditunjukkan oleh Ali. Ketika melalui jalan stesyen minyak Petronas Jerantut, Ali mengarahkan tertuduh ke stesyen minyak Petronas dan berhenti seketika kerana Ali ingin membuang air. Ketika tertuduh menunggu di dalam kereta dengan enjin masih lagi hidup, ketika Ali keluar kereta menghala ke tandas, dari jarak tidak berapa jauh beliau melihat sekumpulan lelaki yang beliau tidak kenali berlari ke arah beliau. Semasa di soalbalas oleh timbalan pendakwa raya, antara jawapan tertuduh adalah:

> Saya tidak setuju pada cadangan yang kata urusan saya dan Ali bukan atas pembalakan.
>
> Saya tidak setuju pada cadangan Timbalan Pendakwa Raya yang kata pada hari itu saya dengan Ali keluar bukan untuk hantar isterinya ke klinik.
>
> Bungkusan yang Ali bawa keluar dari kedai buah itu, saya tidak tahu apa isi kandungan dia. Saya tidak setuju pada cadangan yang kata saya tahu isi kandungan bungkusan itu. Saya nafikan yang saya dan Ali tahu sama-sama ada bawa dadah ganja pada hari itu.

[27] Mahkamah telah meneliti "demeanour" saksi ini dan mendapati yang saksi ini adalah saksi yang lurus dan seolah-olah di perangkap di dalam keadaan. Apabila diserbu, tertuduh seperti kehairanan dan cuma memandang sekeliling. Beliau tidak cuba melarikan diri serta tiada melawan atau bergelut yang mana ini semua boleh di'infer" sebagai mempunyai "mens rea", telah memberikan segala kerjasama dan mengikuti segala arahan. Keterangannya:

> Masa Tuan Resli potong ganja itu, saya terkejut dan serta-merta saya beritahu Tuan Resli ini barang bukan saya punya. Tuan Resli berkata, Bukan awak punya, siapa punya? Saya beritahu Tuan Resli ini barang Ali punya, dia baru turun kereta pergi tandas. Saya suruh Tuan Resli boleh pergi cari. Mahkamah meyakini apa yang dinyatakan oleh tertuduh ini. Keterangannya itu adalah penuh dengan keyakinan dan kebenaran. Malah ini ada di perturunkan di dalam percakapan beramarannya di IDD14 di ms 3:

[28] Terhadap soalan di baris satu.

(1) Soalan: Ada sesiapa yang bersama-sama kamu semasa kamu di tangkap atau diserbu oleh pihak polis semasa kamu berada di Stesyen Minyak Petronas Jerantut?

(2) Jawapan: Sebelum pihak polis serbu, ada seorang lelaki Melayu bersama-sama saya yang baru saya kenali tidak sampai sebulan lama, saya kenal dan panggil namanya "Ali" sahaja. Semasa polis menyerbu kereta saya, Ali telah keluar daripada kereta saya tidak sampai seminit.

[29] Terhadap soalan baris 20

(1) Soalan: Adakah dadah ganja yang dikeluarkan oleh kamu dalam kereta tersebut milik kamu?

(2) Jawapan: Bukan milik saya, saya tidak tahu siapa yang punya.

[30] Jadi hakikatnya keterangan yang telah di berikan oleh tertuduh bahawa barang kes yang ditemui oleh SP1 telah diletakkan oleh "Ali" sukar digugat. Keterangan ini di sokong oleh keterangan SD2 dan SD3 bilamana kedua-duanya mengesahkan maklumat yang diperolehi dari "source" dan "source" ini adalah berdaftar dengan unit risikan Narkotik IPK, Pahang, dikenali sebagai Ali yang boleh bercakap bahasa Cina. Jadi, hujahan oleh pihak peguam bahawa pihak polis sememangnya telah mengetahui bahawa dadah ganja itu telah di letakkan di dalam kereta CQ 8785 itu dan barang siapa yang memandu kereta tersebut akan di tahan dan di soal, ada meritnya. Tambahan pula, SP1 di dalam keterangannya mengakui bahawa tidak ada target tertentu di dalam projek tersebut. Reaksi tertuduh apabila di serbu dan kata-kata yang di ungkapkan seperti:

Apa hal-apa hal?

Apa barang-apa barang?

Ini barang bukan saya punya.

Ini barang Ali punya, dia baru turun kereta, cakap pergi tandas.

Tuan boleh pergi sana cari,

jelas memperlihatkan yang dari peringkat awal lagi tertuduh menafikan yang dia tahu tentang kewujudan barang kes seperti yang didakwa itu.

[31] Di satu tahap, mahkamah telah meminta pihak peguam dan Timbalan Pendakwa Raya menjelaskan lanjut terhadap dua persoalan yang telah didrafkan iaitu pertama tentang kedudukan eks P 5 dan keduanya tentang kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi.

[32] Terhadap isu kedua ini Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan rujukan perlu dibuat terhadap prinsip kes *Mat v PP dan PP v Saimin.* Di hujahkan yang persoalan yang perlu ditanya adalah sama ada pembelaan telah kemukakan keterangan yang probable yang 'sufficient to create a doubt on the prosecution case on a reasonable standard'. Pihak peguam pula berhujah jika pihak pendakwa ingin cabar keterangan saksi yang merupakan saksi polis, dengan merujuk kepada

keterangan SD3 dinyatakan yang timbalan pendakwa raya tidak mencabar keterangan saksi ini. Bila tidak dicabar, dihujahkan yang keterangan ini perlu diterima untuk diteliti sama ada pihak pembelaan berjaya wujudkan kebolehpercayaan.

[33] Terhadap persoalan ini, mahkamah berpandangan, kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi adalah lebih kepada tugas kehakiman mahkamah di mana di sinilah isu kredibiliti dan kebolehpercayaan memainkan peranan. Sehubungan dengan itu, soal "demeanour" adalah berturutan. Ia lebih menjurus kepada pemerhatian terhadap tingkah laku saksi semasa memberikan keterangan bagi menilai tahap kesahihan keterangan yang disampaikan. Ia lebih menjurus kepada tugas kehakiman. Di dalam soal ini, persoalan yang dibangkitkan oleh mahkamah itu lebih menjurus untuk mengetahui tahap kebolehpercayaan keterangan yang telah disampaikan oleh kesemua saksi, baik saksi pendakwaan mahupun saksi pembelaan. Dan tumpuan khusus di berikan terhadap kesahihan saksi-saksi pembela. Di dalam kedudukan keterangan saksi SD3; D/Kpl Nasir ini, mahkamah merumuskan walaupun pihak pendakwaan mempunyai banyak alasan untuk mempertikaikan akan kebolehpercayaan keterangan saksi ini, namun dari penilaian dan pengamatan mahkamah, keterangan dari D/Kpl. Nasir ini adalah tulus dan ikhlas. Tidak ada sebab untuk menolak keterangan beliau. Walaupun timbalan pendakwa raya cuba membangkitkan latar-belakang saksi ini yang tidak berapa elok dari segi perkhidmatan, satu fakta yang perlu diakui bahawa walaupun beliau di tahan kerja atas tuduhan satu kes Badan Pencegah Rasuah, namun hakikat beliau masih merupakan seorang penjawat di dalam perkhidmatan kepolisan, tidak dapat diketepikan. Di dalam keadaan sedemikian, etika kerja dan kesusilaan seorang penjawat awam tetap di pertahankan. Sukar untuk dikaitkan akan apakah faedahnya saksi ini untuk tidak bercakap benar. Tidakkah seperti yang dinyatakan yang ini merupakan kes projeknya yang telah di sampaikan oleh "source'nya. Beliau nyatakan begitu "aggressive" untuk menangkap tertuduh dan begitu bersemangat untuk menjayakan tangkapan sehinggakan yang tugas menangkap itu yang bukan merupakan "perview" beliau, namun, beliau tetap lakukannya. Jadi berbekalkan hakikat tersebut, apakah yang boleh dijadikan landasan untuk menolak keterangan saksi ini. Beliau mula terlibat di dalam projek ini dari sejak awalan lagi hinggalah membawa kepada kehadiran beliau di tempat serbuan itu. Mahkamah mempercayai akan keterangan saksi ini sepenuhnya. Walaupun disoal-balas dengan terperinci oleh timbalan pendakwa raya, saksi ini tetap tegas dengan pendirian dan jawapan yang diberikan olehnya. Namun mahkamah memahami akan kesukaran yang di hadapi oleh timbalan pendakwa raya kerana tiada sebarang keterangan di ambil dari saksi ini oleh pegawai penyiasat.

[34] Lanjutan dari itu, berbalik kepada persoalan pertama mahkamah iaitu terhadap kedudukan eks. P 5. Mahkamah pada tarikh 3 Oktober 2005 telah memutuskan untuk menerima penandaan eks. P 5 ini sebagai ekshibit, iaitu merupakan satu kad amaran. Namun keputusan mahkamah itu adalah bersyarat iaitu "the authencity of the contents" kad tersebut adalah tertakluk kepada pembuktian lanjut. Elok di imbau kembali keterangan D/Kpl. Nasir ini tentang kedudukan eks P 5 ini. Keterangan beliau:

A Diantara saya pegang lelaki Cina ini hingga ganja di jumpai, C/Insp Resli tidak ada membacakan perkataan seperti yang terkandung di eks P 5 ini. Saya pasti yang C/Insp Resli tidak ada bacakan perkataan seperti di dalam eks P 5 itu.

B Tentang perkataan "Tuan, gua ala simpan satu kilo ganja bawah kerusi depan kereta", ini tidak ada di kata oleh lelaki Cina itu kepada C/Insp Resli C/Insp Resli tidak ada tunjukkan dan keluarkan eks P 5 ini kepada lelaki, Cina. Juga, lelaki Cina itu tidak ada tandatangan eks P 5 ini.

C **[35]** Di sepanjang tempoh di tahan itu, beliau dan lain-lain anggota mengawal ketat tertuduh, tapi di dalam keadaan tidak bergari. Beliau orang yang mula-mula menahan tertuduh di kereta. Beliau berada di tempat serbuan itu dari mula hingga tertuduh di bawa ke balai. Segala apa yang berlaku dan diucapkan oleh sesiapa diketika itu adalah dilakukan di hadapan beliau. Saya percaya segala apa yang dinyatakan oleh saksi ini adalah perkara yang sebenar kerana kehadiran beliau secara
D fizikal di situ menguatkan lagi hujah akan kebolehpercayan keterangan yang disampaikan. Walaupun dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya yang keterangan SD3 ini tidak boleh diterima kerana SD3 menunjukkan "demeanour" serta latar belakang yang tidak benar, namun tugas penentuan "demeanour" saksi adalah sentiasa menjadi tugas mahkamah dan di dalam melakukan penilaian terhadap
E "demeanour" saksi ini selain dari gerak-geri saksi itu semasa memberi keterangan diteliti, keterangan secara "toto" oleh kesemua saksi-saksi yang lainnya turut diambil perkiraan untuk diberikan penekanan. Mahkamah mempercayai keterangan oleh SD3 ini.

F **[36]** Tidak dinafikan bahawa keterangan yang ada untuk satu kes prima facie ditimbulkan oleh pihak pendakwaan adalah berdasarkan kepada eks P 5 ini bahawa seolah-olahnya tertuduh mengaku ada menyimpan dadah ganja dan mengetahui tentang kewujudannya. Sekarang, setelah dapat di tentukan melalui keterangan SD3 bahawa amaran itu tidak ada di bacakan dan tertuduh tidak menurunkan tandatangan pada eks P 5 itu, maka kesahihan kes pihak pendakwa adalah luntur
G dengan sendirinya. Keterangan tertuduh tentang perkara ini di sokong kuat oleh keterangan SD3.

[37] Di manakah logiknya untuk menerima hakikat bahawa kata-kata 'Tuan, gua ala simpan satu kilo ganja bawah kerusi depan kereta", bila dibandingkan dengan
H keterangan SD3 yang menyatakan, 'Semasa mula pegang lelaki Cina, dia seperti dalam keadaan menunggu seseorang di dalam keadaan dia memandang kiri kanan … Dia tenang dan enjin kereta hidup …. Pada mula-mula di tahan dia tanya, "Apa hal, apa hal?" seolah-olah macam dia tidak tahu apa-apa.

I **[38]** Benarlah seperti yang dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya bahawa jika pihak-pihak ingin menolak isi kandungan dokumen itu, maka ianya adalah sama seperti beban pembuktian bagi keterangan yang probable. Jelas, keterangan dari SD3 ini dapat memberikan gambaran sebenar akan apakah yang sebenarnya terjadi pada tarikh 25 Jun 2003 jam 4.20 petang di tempat yang dinyatakan seperti di dalam pertuduhan eks P 5 telah dapat dipertahankan.

[39] Semasa penghujahan penutup kes pembelaan, timbalan pendakwa raya berhujah bahawa jika pun tuduhan itu tidak dapat di pertahankan, namun tertuduh masih boleh di sabitkan di bawah s 39A(2) iaitu tertuduh masih ada "control and custody" dadah-dadah itu dan beratnya melebihi 50 gm dengan merujuk kepada keputusan kes *Balachandran v PP* [2005] 2 MLJ 301.

Dinyatakan di bawah definasi "possesion", "knowledge is presummed". Dihujahkan yang tertuduh ada bersama Ali dan dadah itu mungkin diserah oleh Ali kepada tertuduh. Maknanya pengetahuan tertuduh terhadap dadah itu dikatakan ujud kerana dihujahkan yang tiada sebab untuk Ali memusuhi tertuduh.

[40] Untuk itu peguam tertuduh menghujahkan yang tertuduh tidak tahu langsung tentang dadah itu. "Knowledge" dinafikan. Tertuduh dikata tidak lari. Dihujahkan lanjut, walaupun dijumpai dalam kereta, "the mere fact" dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT ini, tidak boleh dianggap sebagai "possession" ujud, tanpa dibuktikan yang dia ada pengetahuan tentang kewujudan dadah itu.

[41] Di dalam soal ini apakah yang di katakan dengan "possession" itu? Taylor J di dalam kes *Leow Nghee Linm v Reg* [1956] MLJ 28 menyatakan:

> A man must know of the existence of a chattel and have some idea of its whereabout before he can exercise any control over it. The word prossesion therefore implies full or exact knowledge.

[42] Di dalam kes *Wong Nam Loi v PP* [1997] 3 MLJ 795, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> In respect of the "presumption" of prossesion it was incumbent on the prosecution to prove that the appealant had knowledge for the heroine in the refrigerator. Proof of such knowledge was essiential, the mere proof of custody and control would be insufficient.

[43] Jelaslah tanpa pengetahuan, tidak akan wujud pemilikan. Di dalam kes ini, adakah wujud elemen pengetahuan di sini. Dari keterangan-keterangan yang diperturunkan di atas tadi, jelaslah elemen pengetahuan tidak wujud langsung di pihak tertuduh. Bukan sahaja keterangan dari tertuduh sendiri, malah keterangan sokongan oleh SD3 jelas menyokong kuat akan hakikat ini. Tertuduh digambarkan sebagai "stranger" kepada perjumpaan ekshibit ganja tersebut, jauh sekali untuk dikatakan mempunyai pengetahuan. Malah gerak geri serta reaksi tertuduh semasa diserbu tidak memperlihatkan akan apakah kesalahan yang telah beliau lakukan. Tiada 'rontaan" atau cubaan untuk lari, tetapi seolah-olah kehairanan mengapa beliau ditangkap. Oleh itu, tentang anggapan di bawah s 37(d) dan (da) Akta Dadah Berbahaya, adalah tidak terpakai di sini.

KESIMPULAN

[44] Secara kesimpulannya, setelah mendengar keterangan dari saksi-saksi secara keseluruhannya, pihak tertuduh dengan ini diputuskan telah berjaya menimbulkan

suatu keraguan yang munasabah terhadap kesahihan kes pihak pendakwa dan berdasarkan kepada prinsip kes *Mohd Radhi bin Yaakob v PP* dan *Mat v PP* si tertuduh dengan ini diperintah untuk dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan ini.

Tertuduh dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan ini.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed